## NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
*MALAYSIAN SHIPPING NOTICE*

**NPM 57/2005**

## JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA
*MARINE DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA*

Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.
Tel: 03-3346 7777, Fax: 03-3165 9045, E-mail: kpgr@marine.gov.my
webpage: http://www.marine.gov.my

---

Notis kepada pemilik kapal, agen, nakhoda, pelaut, pihak pelabuhan, pengusaha terminal minyak, pengimport minyak, syarikat-syarikat insuran dan orang-orang yang berkaitan dengan industri minyak.
*Notice to shipowners, agents, masters, mariners, ports, oil terminal operators, oil receipients, insurance companies and persons engaged in the oil industry.*

---

**a) "INTERNATIONAL CONVENTION ON CIVIL LIABILITY FOR OIL POLLUTION DAMAGE, 1992)"; AND**
**b) "INTERNATIONAL CONVENTION ON THE ESTABLISHMENT OF AN INTERNATIONAL FUND FOR COMPENSATION FOR OIL POLLUTION DAMAGE, 1992)"**

---

1. Dengan ratifikasi Malaysia kepada Konvensyen Antarabangsa Mengenai Liabiliti Sivil bagi Kerosakan Pencemaran Minyak 1992 (CLC 1992) dan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penubuhan Kumpulan Wang Antarabangsa bagi Pampasan Kerosakan Pencemaran Minyak 1992 (Fund 1992) sila ikuti nota-nota berikutnya.

*1. With the ratification of Malaysia to the International Convention on Civil Liabilty for Oil Pollution Damage 1992 (CLC 1992) and the International Convention on the Establishment of an International Fund for Oil Pollution Damage 1992 (Fund 1992) please be advised of the following notes.*

2. Salinan teks kedua-dua konvensyen boleh diperolehi dari:-

a) Publishing Service,
International Maritime Organization,
4, Albert Embankment,
London SE1 7SR.
Tel: +44 (0) 20 7535 7611
Faks: +44 (0) 20 7587 3241

b) International Oil Pollution -
Compensation Fund 1992,
Portland House, Stag Place,
London SW1E 7PN.
Tel: +44 (0) 20 7592 7100
Faks: +44 (0) 20 7592 7111

*2. Copies of the text of both conventions may be purchased from:-*

*a) Publishing Service,*
*International Maritime Organization,*
*4, Albert Embankment,*
*London SE1 7SR.*
*Tel: +44 (0) 20 7535 7611*
*Faks: +44 (0) 20 7587 3241*

*b) International Oil Pollution Compensation Fund 1992,*
*Portland House, Stag Place,*
*London SW1E 7PN.*
*Tel: +44 (0) 20 7592 7100*
*Faks: +44 (0) 20 7592 7111*

3. Peruntukan CLC 1992 dan Fund 1992 meningkatkan jumlah pampasan yang disediakan bagi mangsa-mangsa kejadian pencemaran minyak. CLC 1992 dan Fund 1992 meningkatkan had liabilti pemilik kapal dan jumlah yang boleh dibayar oleh Fund 1992.

*3. The provision of the CLC 1992 and Fund 1992 increase the amount of compensation available for victims of any oil spill incident. The CLC 1992 and Fund 1992 increase the limit of liabilty of a ship owner and the amount payable by the Fund 1992.*

4. Pemilik kapal dan penerima minyak hendaklah memastikan bahawa mereka faham sepenuhnya obligasi dan tanggungjawab masing-masing di bawah CLC 1992 dan Fund 1992. Pemilik kapal dan penerima minyak adalah diminta untuk mematuhi sepenuhnya keperluan sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994.

*4. Ship owners and receivers of oil should be well versed with the conventions especially with regard to their respective obligations and responsibilties under CLC 1992 and Fund 1992. Ship owners and receivers of oil are required to comply fully with the provisions as provided for under the Merchant Shipping (Oil Pollution) Act 1994.*

5. Sepertimana diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Insurans Wajib) 2005, pemilik kapal bagi kapal yang berdaftar di Malaysia yang dilindungi di bawah CLC 1992 perlu memohon dan mendapatkan Perakuan Insurans di bawah Konvensyen ini dari IbuPejabat Laut Semenanjung Malaysia.

*5. As provided for under Merchant Shipping (Oil Pollution) (Compulsory Insurance) (Amendmend) Regulations 2005, ship owners of Malaysian registered ships that are covered by the CLC 1992 are required to apply and obtain the Certificate of Insurance under the Convention from the Marine Department Peninsular Malaysia Headquarters.*

6. Sementara, penerima minyak di Malaysia yang tertakluk di bawah Fund 1992 perlu menghantar laporan penerimaan minyak bagi setahun bermula 9 Jun 2005 kepada IbuPejabat Laut Semenanjung Malaysia.

*6. Whereas, receivers of oil in Malaysia that is covered under the Fund 1992 are required to submit a report of oil receipts for the year beginning 9 June 2005 to the Marine Department Peninsular Malaysia Headquarters.*

7. Notis Perkapalan Saudagar bilangan JL 4/1995 bertarikh 30 Mac, 1995 hendaklah dibaca dengan ubahsuai mengikut peruntukan-peruntukan di bawah CLC 1992 dan Fund 1992.

7. *Merchant Shipping Notice, JL 4/1995 dated 30 March, 1995 shall be read with such modifications as approriate in accordance with the provisions of CLC 1992 and Fund 1992.*

Ketua Pengarah Laut / *Director General of Marine*.
Tarikh/Date: 15 September, 2005.